

09 MAY 1996

Razaleigh-Umno

RAZALEIGH SAHKAN MUNGKIN MASUK UMNO BERSAMA-SAMA PENGIKUT

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah hari ini mengesahkan kemungkinan yang beliau akan kembali semula ke pangkuan Umno dan membawa bersamanya keseluruhan anggota Parti Melayu Semangat 46.

Tengku Razaleigh bagaimanapun tidak menyatakan bila beliau akan berbuat demikian selain berkata "mungkin cepat, mungkin lambat".

Beliau berkata demikian pada persidangan berita di kediamannya di Jalan Langgak Golf di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kenyataan mengejut malam tadi apabila menyatakan Tengku Razaleigh mungkin menyertai semula Umno.

Tengku Razaleigh berkata beliau telah diberikan mandat oleh majlis tertinggi partinya sebagai Presiden S46 untuk berunding dengan Dr Mahathir, selaku Presiden Umno, ke arah usaha penyatuan orang Melayu.

Menurutnya, usaha itu dibincangkan secara am dalam pertemuan dengan Dr Mahathir. Mereka bertemu dua kali dalam masa satu setengah bulan yang lepas, pertemuan kedua ialah dua malam lepas.

"Saya menyatakan kepada Dr Mahathir walaupun hendak ada penyertaan daripada kami dalam mana-mana usaha sama ada ke dalam 'merger,' (percantuman) 'reunification' (penyatuan semula) ataupun ke dalam Umno, itu mesti diadakan secara 'en bloc' (beramai-ramai)," katanya.

Ini kerana jika mereka hendak menyertai satu gagasan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada bangsa Melayu, adalah baik bagi seluruh anggota S46 menyertai bersama, katanya.

Bagaimanapun, penyertaan secara 'en bloc' itu bukan satu syarat tetapi merupakan langkah yang akan diambil sekiranya anggota-anggota bersetuju, kata beliau.

"Soal yang dibincangkan ini bukan soal saya sahaja seperti yang ditonjolkan dalam berita (akhbar) hari ini. Yang penting kena bawa semua pengikut S46 termasuk anggota dalam penyatuan, cara mana, itu terpulang kepada rundingan," katanya. Beliau berkata parti itu mempunyai 400,000 anggota.

Walaupun beliau tidak dapat menentukan bila tindakan itu dapat dibuat, Tengku Razaleigh berkata: "Kalau kita sempat buat segala-galanya sebelum 11 Mei, kita hendak lakukan tetapi nampaknya masa tidak mengizinkan."

"Kalau boleh dilakukan segera, kita mengucap syukur kepada Allah, kalau ia memakan masa, apa boleh buat. Kita akan usaha juga mempercepatkan proses ini," kata beliau.

Ketika ditanya mengapa masa diperlukan, beliau berkata ini kerana beliau baru berjumpa dengan Perdana Menteri dan keduanya, perkara itu mesti dijelaskan kepada anggota parti.

"Selepas itu mereka perlu masa untuk menimbang...sekiranya mereka bersetuju, proses undang-undang nak bubarkan parti, walaupun terpaksa dibubar, ia memakan masa," katanya.

Ketika menjawab soalan, Tengku Razaleigh berkata S46 tidak meminta apa-apa ganjaran dalam usaha penyatuan itu. -- BERNAMA

AZZ NMO